



Kepada

Y.B. ADUN Pakatan Rakyat,  
Pegawai Penyelaras KADUN,  
Pegawai Daerah,  
**PULAU PINANG.**

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
BIL. 3 TAHUN 2011**

***HAD NILAI PEMBERIAN OUTRIGHT GRANT  
DAN PERATURAN BAGI PEMBEKALAN YANG DIMOHON DI  
BAWAH MAKSUM PEMBANGUNAN  
P.16 (02) DAN (03)***

**Tujuan**

1. Surat Pekeliling Kewangan ini bertujuan untuk memaklumkan perubahan kepada Surat Pekeliling Kewangan Negeri (SPKN) Bil. 3 Tahun 2010 mengenai had nilai peruntukan pemberian terus (*outright grant*) yang boleh dipertimbangkan daripada peruntukan P16(02) dan syarat-syarat di bawah P16 (03) bagi tujuan pembiayaan bekalan dan perkhidmatan khususnya kepada persatuan/perbadanan berdaftar.

**Latar Belakang**

2. Skop projek dan garis panduan bagi projek/program yang boleh dilaksanakan di bawah peruntukan P16 (02) dan (03) telah ditetapkan

melalui SPKN Bil. 3 Tahun 2010. Walau bagaimanapun memandangkan timbul tafsiran yang berbeza-beza mengenai syarat pemberian terus (*outright grant*) dan penerima projek daripada kalangan persatuan/perbadanan berdaftar maka garis panduan yang baru perlu ditetapkan.

### **Had Nilai Pemberian Terus (*Outright Grant*) Yang Dipertimbangkan Melalui P16 (02)**

3. Perenggan 5(c) SPKN Bil. 3 Tahun 2010 telahpun menetapkan keadaan-keadaan tertentu dan syarat-syarat yang boleh diberi pertimbangan untuk meluluskan peruntukan di bawah P16 (02) secara *outright grant*. Di samping syarat-syarat tersebut, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam mesyuarat bertarikh 27 April 2011 telah menetapkan supaya had *outright grant* yang boleh dipertimbangkan bagi sesuatu projek infrastruktur di bawah P16 (02) ialah pembiayaan sehingga RM20,000.00 atau pembiayaan tidak melebihi 50% daripada kos projek tersebut, yang mana lebih tinggi.

### **Tafsiran Persatuan/Perbadanan Berdaftar**

4. Perenggan 3(b) SPKN Bil. 3 Tahun 2010 juga telah memperincikan syarat-syarat bagi bekalan dan perkhidmatan yang boleh dibiayai daripada peruntukan P16 (03) iaitu pembiayaan dan pelaksanaan program sosial, kebudayaan, sukan dan bantuan peralatan/barangan yang boleh dimanfaatkan dan memberi faedah kepada masyarakat dan orang ramai di KADUN berkaitan. Had nilai pembiayaan/bantuan adalah sehingga RM10,000.00 dengan tertakluk kepada syarat-syarat antara lain bahawa pemberian bantuan di bawah P16 (03) tidak dibenarkan kepada badan politik atau

persatuan/kelab/perbadanan yang bermotifkan komersial ataupun yang tidak berdaftar.

5. Kekeliruan berbangkit dalam tafsiran persatuan/perbadanan yang bermotifkan komersial. Untuk memudahkan proses pertimbangan pemberian bantuan bekalan dan perkhidmatan di bawah P16 (03) tafsiran kepada persatuan/perbadanan berdaftar adalah seperti berikut:

- i. **Persatuan yang bermotifkan komersial** ialah sesebuah persatuan yang terlibat secara langsung dalam sesuatu aktiviti perniagaan/perdagangan dan memperolehi keuntungan yang diagihkan kepada ahli-ahli persatuan. Bagi persatuan yang mana ahli-ahlinya adalah daripada kalangan syarikat/peniaga seperti Persatuan Peniaga-Peniaga Pasar Malam, Persatuan Peniaga-Peniaga Kedai Kopi dan sebagainya yang mana penubuhan persatuan bukan untuk menjalankan aktiviti perniagaan tetapi lebih kepada menjalankan aktiviti musyawarah dan kemasyarakatan secara berkumpulan, maka persatuan terlibat tidaklah dianggap sebagai persatuan yang bermotifkan komersial.
- ii. **Bagi perbadanan** khususnya Perbadanan Pengurusan Perumahan Kos Rendah samada awam atau swasta tidak diklasifikasikan sebagai perbadanan yang bermotifkan komersial. Ini adalah kerana perumahan terlibat ialah untuk golongan yang berpendapatan rendah. Oleh yang demikian, bantuan pembiayaan di bawah P16 (03) untuk

program/projek yang dianjurkan oleh Perbadanan Pengurusan Perumahan Kos Rendah samada awam atau swasta boleh dipertimbangkan. Pertimbangan bantuan ini tidak layak kepada Perbadanan Pengurusan perumahan kos sederhana dan tinggi.


### Kuatkuasa

6. Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2010 dan berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**'CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS'**  
**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



[ HAJI MOKHTAR BIN MOHD JAIT ]  
Pegawai Kewangan Negeri  
Pulau Pinang.

Tarikh : 4 Mei 2011

**s.k.: Y.A.B. Ketua Menteri  
PULAU PINANG.**

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I  
PULAU PINANG.**

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II  
PULAU PINANG.**

**Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan  
PULAU PINANG.**